

PROSEDUR PERMOHONAN KURSUS SAINS SUKAN



institut sukan negara
National Sports Institute of Malaysia



AKADEMI
KEJURULATIHAN
KEBANGSAAN

PESERTA



AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN

BERKUATKUASA 1 JULAI 2015

SKIM PENSIJILAN KEJURULATIHAN KEBANGSAAN (SPKK)

1.0 PENGENALAN

Kepimpinan Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) telah diserahkan secara rasminya dibawah pentadbiran Institut Sukan Negara (ISN) dari Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) yang beroperasi sepenuhnya mulai 1 Julai 2015. Peralihan tugas ini telah diumumkan oleh Menteri Belia dan Sukan pada 12 Februari 2015.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) telah mewujudkan satu Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) bagi memberi pendidikan formal di dalam bidang kejurulatihan sukan.

2.2 Skim ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu Tahap I, II dan III. Setiap tahap mengandungi komponen berikut :

2.2.1. Kursus Sains Sukan (KSS) (Kelolaan AKK) – dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri.

2.2.2. Kursus Sukan Spesifik / Pengkhususan Sukan- kelolaan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Praktikum Sukan Spesifik / Pengkhususan Sukan- kelolaan PSK

3.0 OBJEKTIF KURSUS SAINS SUKAN

3.1 Melatih, melengkap dan meningkatkan pengetahuan jurulatih dalam bidang Sains Sukan agar dapat memajukan lagi corak dan kaedah kejurulatihan terkini untuk membantu mempertingkatkan lagi prestasi dan pencapaian sukan negara.

3.2 Untuk mewujudkan satu sistem Skim Perlesenan Kejurulatihan Kebangsaan (SLKK) bagi mengklasifikasikan tahap keupayaan jurulatih yang berkelayakan. (Rujuk Prosedur Permohonan Skim Perlesenan Kejurulatihan Kebangsaan dan Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan)

4.0 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN KURSUS SAINS SUKAN

4.1 KURSUS SAINS SUKAN TAHAP I

- 4.1.1 Terbuka kepada semua individu yang berminat dalam bidang kejurulatihan dan sukan.
- 4.1.2 **Umur tidak kurang daripada 18 tahun (tahun kursus dimohon).**
- 4.1.3 Permohonan harus menggunakan **borang permohonan** yang disediakan dan di hantar kepada pihak penganjur. (contoh : jika di Negeri Perlis permohonan harus dihantar kepada Majlis Sukan Negeri Perlis).
- 4.1.4 Pihak Penganjur tidak akan mengeluarkan surat pelepasan atau cuti tanpa rekod .
- 4.1.5 Peserta yang gagal harus mengambil semula kursus.

4.2 KURSUS SAINS SUKAN TAHAP II

- 4.2.1 Hanya peserta yang telah **lulus Tahap I** atau **mempunyai Sijil Persamaan Taraf** dalam bidang yang diiktiraf dan diluluskan oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan sahaja yang layak menduduki kursus Sains Sukan Tahap II.
- 4.2.2 Permohonan harus menggunakan **borang permohonan** yang disediakan dan di hantar kepada pihak penganjur. (contoh : jika di Negeri Perak permohonan harus dihantar kepada Majlis Sukan Negeri Perak)
- 4.2.3 Pihak Penganjur tidak akan mengeluarkan surat pelepasan atau cuti tanpa rekod.
- 4.2.4 Peserta yang gagal harus mengulang kursus.

4.3 KURSUS SAINS SUKAN TAHAP III

- 4.3.1 Hanya peserta yang telah **lulus Tahap II** atau **mempunyai Sijil Persamaan Taraf** dalam bidang yang diiktiraf dan diluluskan oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan sahaja yang layak menduduki kursus sains sukan Tahap III.
- 4.3.2 Permohonan harus menggunakan **borang permohonan** yang disediakan dan di hantar kepada pihak penganjur. (contoh : jika di Negeri Terengganu permohonan harus dihantar kepada Majlis Sukan Negeri Terengganu).
- 4.3.3 Pihak Penganjur tidak akan mengeluarkan surat pelepasan atau cuti tanpa rekod .

4.3.4 Peserta yang gagal Tahap III, harus mengulangi kursus Sains Sukan Tahap III semula.

5.0 PERSAMAAN TARAF

5.1 Akademi Kejurulatihan Kebangsaan telah menyediakan kemudahan Persamaan Taraf Sijil Sains Sukan kepada peserta yang layak. Persamaan Taraf Sijil Sains Sukan adalah seperti berikut:

SAINS SUKAN	PERSAMAAN TARAF
Tahap I	Ijazah dalam Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani atau yang setara dengannya
Tahap II	Ijazah Sarjana dalam Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani atau yang setara dengannya
Tahap III	Doktor Falsafah dalam Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani atau yang setara dengannya

5.2 Peserta yang ingin mendapatkan pengesahan pengiktirafan perlu mengisi **Borang Persamaan Taraf Sains Sukan ISN** melalui laman web ISN atau hadir di Pejabat Akademi Kejurulatihan Kebangsaan Institut Sukan Negara. Kelulusan tertakluk kepada Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK).

5.3 Permohonan harus disertakan bersama salinan transkrip Ijazah/ Ijazah Sarjana/ Doktor Falsafah secara tunai atau wang pos.

- i. **Sijil Persamaan Taraf Tahap I = RM50.00**
- ii. **Sijil Persamaan Taraf Tahap II = RM 75.00**
- iii. **Sijil Persamaan Taraf Tahap III = RM100.00.**

5.4 **Untuk maklumat lanjut sila semak di Prosedur Permohonan Persamaan Taraf Kursus Sains Sukan.**

6.0 SYARAT & KELAYAKAN PERMOHONAN STATUS JURULATIH & ATLET

6.1 Pihak Akademi Kejurulatihan Kebangsaan hanya akan memberi **pengecualian yuran** kepada jurulatih **dibawah program Institut Sukan Negara atau Majlis Sukan Negara Malaysia** yang dilantik secara sepenuh masa (JPM) atau separuh masa (JSM) sahaja.

6.2 Bagi peserta berstatus atlet negara atau negeri, tiada pengecualian yuran diberikan dan kadar seperti perkara 11.0.

7.0 TEMPOH KURSUS

7.1 Pihak Akademi Kejurulatihan Kebangsaan telah menetapkan tempoh kursus sains sukan adalah seperti berikut: -

BIL	TAHAP KURSUS	JAM KREDIT	TEMPOH
1	Tahap I	30 Jam	4 1/2 Hari
2	Tahap II	37 Jam	5 1/2 Hari
3	Tahap III	43 Jam	5 1/2 Hari

7.2 Jadual kursus adalah seperti dilampiran dan ianya tertakluk kepada perubahan ketetapan instruktur sains sukan.

8.0 KANDUNGAN KURSUS

8.1 Isi kandungan bagi Kursus Sains Sukan Tahap I adalah 30 jam.

BIL.	PERKARA	MASA
1	<p>FALSAFAH KEJURULATIHAN</p> <p>Perbezaan Main, Permainan, Sukan. Konsep Sukan. Ciri-Ciri Sukan Kompetitif. Penglibatan Individu Dalam Sukan. Penglibatan Negara Dalam Sukan. Mengapa Kesedaran Tentang Sukan Meningkatkan? Konsep Sains Sukan Apa Itu Kejurulatihan? Pentingnya Kejurulatihan Yang Betul Gaya-Gaya Kejurulatihan Proses Kejurulatihan Falsafah Kejurulatihan Sifat-Sifat Jurulatih Yang Berjaya</p>	2 jam

2	SUKAN DI MALAYSIA Sejarah Sukan. Dasar Sukan Negara. Struktur Sukan Di Malaysia	2 jam
3	ANATOMI DAN FISILOGI SUKAN Pengenalan Sistem Rangka. Sistem Otot Rangka. Penghasilan Tenaga Semasa Senaman Dan Latihan	4 jam
4	BIOMEKANIK Definisi / Rujukan Anatomi Bagi Memahami Pergerakan. Konsep-Konsep Kinematik Dan Kinetik Dalam Pergerakan. Hukum-Hukum Newton Dalam Pergerakan. Teknologi Video Dalam Analisis Pergerakan	3 jam
5	LATIHAN DAN PERSEDIAAN FIZIKAL Pengenalan Kepada Latihan Dan Persediaan Fizikal. Komponen Latihan Dan Persediaan Fizikal Prinsip-Prinsip Latihan. Perkembangan Multilateral Praktikal (3 Jam)	6 jam
6	PEMAKANAN SUKAN Definisi Pemakanan Sukan. Fungsi Makro Dan Mikronutrien Dalam Prestasi Sukan. Kepentingan Air / Hidrasi Dalam Sukan. Kepentingan Pemakanan Terhadap Prestasi Atlet	2 jam
7	KOMPETENSI KEJURULATIHAN Perancangan Pengajaran Mengajar Kemahiran Asas	4 jam

	Merancang Kaedah Pengajaran	
8	PSIKOLOGI SUKAN Definisi Psikologi Dan Psikologi Sukan. Pengenalan Latihan Kemahiran Psikologi Motivasi. Penetapan Matlamat Sebagai Teknik Meningkatkan Motivasi Atlet. Kaedah-Kaedah Lain Untuk Memotivasikan Atlet	2 jam
9	TINGKAH LAKU MOTOR Pengenalan Peringkat Perkembangan Motor Pembelajaran Motor Praktis	3 jam
10	KECEDERAAN DAN PERUBATAN SUKAN Keselamatan Sukan. Pengurusan Kecederaan Sukan. Bantu Mula Dan Pertolongan Cemas Dalam Sukan. Kesan Latihan Dalam Keperibagaian Sukan.	2 jam
	JUMLAH MASA KURSUS	30 jam

8.2 Isi kandungan Kursus Sains Sukan Tahap II adalah 37 jam.

BIL.	PERKARA	MASA
1	FALSAFAH SUKAN Pengenalan Peranan Jurulatih Gaya Kejurulatihan Perbandingan gaya kejurulatihan Faktor-Faktor Mempengaruhi Gaya Kejurulatihan Hubungan Falsafah Dan Etika Kepentingan Etika Peranan Jurulatih Untuk Mendidik Atlet Di Dalam Dan Luar Latihan.	2 jam

2	<p>SUKAN DI MALAYSIA</p> <p>Dasar Sukan Negara : strategi dan implementasi Struktur Pentadbiran Sukan Di Malaysia Peranan dan fungsi: Skim Persijilan Kejurulatihan Sukan Kebangsaan Sejarah Perkembangan Sains Sukan</p>	2 jam
3	<p>ANATOMI DAN FISILOGI SUKAN</p> <p>Ciri Sistem Tenaga Sistem Saraf Sistem Kardiorespiratori Pengambilan Oksigen (VO₂) Sistem Endokrin Kesan Latihan Anaerobik dan Aerobik</p>	4 jam
4	<p>BIOMEKANIK</p> <p>Koordinasipergerakan Linear Kinetik Tuas dalam badan Analisis Pergerakan – Analisis Kualitatif Memperkenalkan asas penggunaan perisian analisa video ‘KINOVEA’</p>	4 jam
5	<p>SUAIAN FIZIKAL</p> <p>Asas Periodisasi Merancang periodisasi latihan Analisa Keperluan Perancangan sesi Latihan Persediaan Fizikal Latihan rintangan</p> <p>AMALI (4 jam)</p> <p>Teknik Latihan Asas</p>	7 jam

6	PEMAKANAN SUKAN Penilaian Status Pemakanan : Komposisi Tubuh Badan Dan Keseimbangan Tenaga Pemakanan, Sebelum, Semasa Dan Selepas Latihan/Pertandingan Muatan Karbohidrat Makanan Tambahan Dan Bahan Ergogenik Sesi Pembelajaran Berasaskan Masalah	3 jam
7	KOMPETENSI KEJURULATIHAN Pengukuran Dan Penilaian Pengurusan Pasukan Komunikasi Latihan Berkesan	5 jam
8	PSIKOLOGI SUKAN Emosi Dalam Sukan Kebangkitan Emosi Kebimbangan (Komponen Perasaan Emosi) Kata Kendiri Imageri Perhatian Dan Tumpuan	4 jam
9	TINGKAH LAKU MOTOR Sumbangan Sensori Terhadap Kawalan Motor Struktur Dan Fungsi Sistem Kawalan Motor Dalam Pembelajaran Maklumbalas Kesesuaian Waktu Memberi Maklumbalas Ketepatan	3 jam
10	KECEDERAAN DAN PERUBATAN SUKAN Pengurusan Kecederaan Sukan. Masalah Kesihatan Dalam Cuaca Panas Dan Sejuk Teknik Manual Bagi Rawatan Kecederaan	3 jam

	Penggunaan Dadah Dalam Sukan	
	JUMLAH MASA KURSUS	37 jam

8.3 Isi kandungan Kursus Sains Sukan Tahap III adalah 43 jam.

BIL.	PERKARA	MASA
1	SPORTS PHILOSOPHY Coaching Ethics-Fair Play, Sportsmanship, Olympic Spirit. Sports And Athlete's Character Building. Current Issues In Sport.	2 hours
2	SPORTS IN MALAYSIA Malaysia's Participation In International Competitors And Multi-Sports Events. Malaysia's Achievement In International Sports. Paralympic Sport	2 hours
3	ANATOMY AND PHYSIOLOGY Physiological And Metabolic Adaptations. Physiological Responses And Acclimatization To Exercising In Various Environmental Conditions. Laboratory Testing.	5 hours
4	BIOMECHANIC Fluid Mechanics (Mekanik Bendalir). Common Technique Analysis Approach. Qualitative Video Analysis Of Sport Skill Measuring Distance Capturing, Editing And Synchronized Procedure Compilation And Interpretation Procedure	4 hours
5	PHYSICAL CONDITIONING Periodization Revisited. Exercise Prescription. Assessment And Monitoring. Speed, Agility And Quickness Training.	8 hours

	<p>Power Training. Advance Exercise Techniques (Olympic Lifting). Functional Training. Practical Session (5 Hours).</p>	
6	<p>SPORTS NUTRITION</p> <p>Meal/Menu Planning Nutrition For Travelling Athlete Nutrition For Injuries Nutrition For Special Condition Problem Based Learning Session</p>	4 hours
7	<p>COACHING COMPETENCY</p> <p>Risk Management. Developing Top Level Athletes. Planning for International Sport Competition Coaching Development & Presentation Skills Media Relation Problem solving Decision Making in Sport</p>	4 hours
8	<p>SPORTS PSYCHOLOGY</p> <p>Team Building And Cohesion Test And Measurement In Sport Psychology Plan And Application Of Psychological Skill Programme In Training Tactics, Match Analysis, Match Plan Perceptual Motor Intelligence</p>	4 hours
9	<p>MOTOR BEHAVIOUR</p> <p>Facilitating Learning And Performance. Transfer Of Learning. Skill Learning. Deliberate Practice in Athletes Training.</p>	3 hours
10	<p>SPORTS MEDICINE</p> <p>Rehabilitation Of Sports Injury.</p>	4 Hours

	<p>Medical Conditions In Athletes. Medical Preparedness For Competition And Travel. Aspects Of Jet Lag. Altitude Sickness</p>	
11	ORAL TEST (ASSESSMENT)	3 hours
	TOTAL HOURS	43 hours

8.4 JADUAL KURSUS SAINS SUKAN TAHAP I

MASA / TARIKH	8.00 - 8.30	8.30 - 9.30	9.30 - 10.30	30 MIN	11.00 - 12.00	12.00 - 1.00	1J 30 MIN	2.30 - 3.30	3.30 - 4.30	30 MIN	5.00 - 6.00	6.00 - 7.00		
ISNIN	PENDAFTARAN	FALSAFAH SUKAN		R E H A T	SUKAN DI MALAYSIA		R E H A T	KOMPETENSI KEJURULATIHAN		R E H A T	KOMPETENSI KEJURULATIHAN			
SELASA		ANATOMI & FISIOLOGI SUKAN			ANATOMI & FISIOLOGI SUKAN				PEMAKANAN SUKAN			PERUBATAN SUKAN		
RABU		SUAIAN FIZIKAL (TEORI - PAKAIAN SUKAN)			SUAIAN FIZIKAL (TEORI)	SUAIAN FIZIKAL (PRAKTIKAL)			SUAIAN FIZIKAL (PRAKTIKAL)					
KHAMIS		BIOMEKANIK			BIOMEKANIK	TINGKAH LAKU MOTOR			TINGKAH LAKU MOTOR			PSIKOLOGI SUKAN		
JUMAAT		8.30 - 10.00 UJIAN (ISN)												

8.5 JADUAL KURSUS SAINS SUKAN TAHAP II

MASA / TARIKH	8.00 - 8.30	8.30 - 9.30	9.30 - 10.30	10.30 - 11.00	11.00 - 12.00	12.00 - 1.00	1.00 - 2.30	2.30 - 3.30	3.30 - 4.30	30 MIN	5.00 - 6.00	6.00 - 7.00
ISNIN	PEN DAFT ARAN	FALSAFAH SUKAN	R E H A T	SUKAN DI MALAYSIA	R E H A T	ANATOMI & FISIOLOGI SUKAN		R E H A T	ANATOMI & FISIOLOGI SUKAN			
SELASA		KOMPETENSI KEJURULATIHAN		KOMPETENSI KEJURULATIHAN		KOMPETENSI KEJURU- LATIHAN	PEMAKANAN SUKAN		PEMAKANAN SUKAN			
RABU		PSIKOLOGI SUKAN		PSIKOLOGI SUKAN		TINGKAH LAKU MOTOR			TINGKAH LAKU MOTOR			
KHAMIS		SUAIAN FIZIKAL (TEORI)		SUAIAN FIZIKAL (TEORI)		SUAIAN FIZIKAL (PRAKTIKAL)	SUAIAN FIZIKAL (PRAKTIKAL)					
JUMAAT		BIOMEKANIK		BIOMEKANIK		PERUBATAN SUKAN			PERUBATAN SUKAN			
SABTU				8.30 - 10.00 UJIAN								

8.6 JADUAL KURSUS SAINS SUKAN TAHAP III

MASA / TARIKH	8.00 - 8.30	8.30 - 9.30	9.30 - 10.30	10.30 - 11.00	11.00 - 12.00	12.00 - 1.00	1.00 - 2.30	2.30 - 3.30	3.30 - 4.30	4.30 - 5.00	5.00 - 6.00	6.00 - 7.00
ISNIN	REGISTRATION	SPORT PHILOSOPHY		R E H A T	SPORTS IN MALAYSIA		R E H A T	COACHING COMPETENCY		R E H A T	COACHING COMPETENCY	
SELASA		ANATOMY & SPORTS PHYSIOLOGY			ANATOMY & SPORTS PHYSIOLOGY			ANATOMY & SPORTS PHYSIOLOGY	MOTOR BEHAVIOUR		MOTOR BEHAVIOUR	
RABU		BIOMECHANICS			BIOMECHANICS			SPORTS NUTRITION			SPORTS NUTRITION	
KHAMIS		PHYSICAL CONDITIONING (THEORY)			PHYSICAL CONDITIONING (THEORY)			PHYSICAL CONDITIONING (PRACTICAL)			PHYSICAL CONDITIONING (PRACTICAL)	
JUMAAT		SPORTS PSYCHOLOGY			SPORTS PSYCHOLOGY			SPORTS MEDICINE			SPORTS MEDICINE	
SABTU		8.30 - 9.45 (TEST)			10.00 - 1.00 (ORAL TEST)							

9.0 PENILAIAN

9.1 TAHAP I & II

9.1.1 Peperiksaan

- i. Peperiksaan ini mengandungi **60 soalan** berbentuk objektif.
- ii. Masa yang diperuntukan adalah selama **1 ½ jam**.
- iii. Peperiksaan akan diadakan pada **hari terakhir** kursus iaitu untuk **Tahap I adalah pada hari ke-5** manakala **Tahap II pada hari ke- 6**.
- iv. Semasa peperiksaan, peserta dikehendaki membawa kad pengenalan, tugas, borang penilaian, serta alat tulis (pensil, pemadam dan pen sahaja) untuk kegunaan sewaktu peperiksaan.
- v. Peserta **dilarang sama sekali membawa bersama telefon bimbit** di dewan peperiksaan.

9.1.2 Tugas

- i. Setiap peserta perlu menyiapkan soalan tugas (*assignment*) yang akan diberi oleh penyelaras kursus semasa taklimat pada hari pertama.
- ii. Tugas perlu ditaip (komputer), mengikut format 'double-spacing', font 12 dan huruf arial.
- iii. Penilaian untuk tugas ini adalah berdasarkan aspek-aspek berikut :-

BIL	ASPEK	PEMBAHAGIAN MARKAH
i.	Keupayaan Memahami Soalan	5%
ii.	Susunan Maklumat	5%
iii.	Ketepatan Fakta	5%
iv.	Ketepatan Jawapan	5%
v	Kreativiti Dan Makluman Baru	10%
	Jumlah Markah	30%

- iv. Tugas perlu dihantar pada hari terakhir sebelum peperiksaan dimulakan.
- v. Peserta perlu menyerahkan tugas kepada penyelaras dan menandatangani borang penyerahan tugas tersebut.
- vi. Peserta yang **tidak menyerahkan tugas** mereka sebelum peperiksaan bermula **tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan** tersebut.
- vii. **Penyelaras berhak untuk melarang** mana-mana peserta yang **tidak menghantar** tugas daripada menduduki peperiksaan.

9.1.3 Markah lulus bagi komponen penilaian ialah :

PERKARA	KOMPONEN		PERATUS
	TAHAP I	TAHAP II	
Ujian Objektif	60	60	60%
Tugas	1	1	30%
Kehadiran	4 1/2 Hari	5 1/2 Hari	10%
	3	3	LULUS 60%

- i. Markah LULUS keseluruhan ialah 60%
- ii. Sijil boleh diambil dari pihak penganjur selepas 3 bulan. Sila rujuk perkara 13.0.
- iii. Peserta yang gagal dikehendaki menghadiri dan menduduki semula kursus dan peperiksaan.

9.2 TAHAP III

9.2.1 Ujian Objektif (50%) :

- i. Di akhir kursus satu ujian objektif akan dijalankan. Ujian ini mengandungi **50 soalan objektif** dan masa ujian ialah **1^{1/4} jam**.
- ii. Peperiksaan diadakan pada hari terakhir kursus.

9.2.2 Ujian lisan (10%) :

- i. Semua peserta diwajibkan mengambil bahagian dalam satu ujian lisan yang akan diadakan pada akhir kursus dan topik yang akan dibincangkan adalah secara **temubual dan maklumbalas media.**
- ii. Ujian lisan akan dikendalikan oleh panel yang dilantik oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan.
- iii. Aspek-aspek yang akan dinilai adalah seperti berikut: -

TAJUKPENYAMPAIAN	PERATUS
Kejelasan Suara	10%
Keyakinan	10%
Gaya	10%
JUMLAH	
RESPON TERHADAP SOALAN	
Keupayaan Memahami Soalan	20%
Ketepatan Fakta	20%
Gaya Interaksi	10%
Jawapan yang Praktikal	10%
Keupayaan Wacana	10%
JUMLAH	100%

9.2.3 Projek Aspek Praktikal Kajian (30%)

- i. Para peserta Kursus Sains Sukan Tahap III diwajibkan menyediakan satu projek / kajian padang berdasarkan salah satu dari aspek berikut: -
 - a. Pemakanan
 - b. Latihan Suaian Fizikal
 - c. Perubatan Sukan
 - d. Ujian Padang – Parameter Fisiologi
 - e. Psikologi
 - f. Biomekanik – Persediaan @ Pembedulan Teknik Sukan Kemahiran

- ii. Cara pemilihan tajuk / aspek akan ditentukan oleh peserta sendiri berdasarkan satu-satu tajuk / aspek Praktikal Kajian Sukan masing-masing, contohnya, Tajuk yang dipilih:-
 - a. **Tajuk:** Sukan Hoki: Peningkatan Latihan Anerobik semasa Musim Pertandingan.
 - b. **Perbincangan:** Masalah yang dihadapi oleh pemain sendiri dalam pasukan. Posisi. Boleh beri Data.
 - c. **Cara Mengatasi masalah.** Jenis Latihan. Kajian berkaitan Bukti.
 - d. **Cadangan** untuk mengaplikasikan bagi pasukan sendiri.
 - e. Projek ini hendaklah disediakan didalam bentuk format Thesis. Tetapi lebih kepada Kualitatif daripada Kuantitatif.
 - f. Format Thesis- Pendahuluan, Tujuan dan Objektif , Makluman tentang tajuk, Skop Kajian, Batasan Kajian, Kajian-kajian berkaitan, perbincangan, cadangan, bibliografi.
- iii. Projek ini harus disampaikan kepada penyelaras semasa datang untuk VIVA, **3 bulan** selepas kursus.
- iv. Format Susunan Buku Laporan Projek adalah seperti di lampiran.
 - a. Kertas Kerja hendaklah bertaip Double – Spacing , Fonts 12 dan Huruf TIMES NEW ROMAN.
 - b. Tidak Kurang daripada Tiga Ribu (3,000) patah perkataan.
 - c. 1 original dan 2 salinan
 - d. Original – Kulit Hard Cover warna maroon.
 - e. Salinan – Boleh fotostat dan Comb Binding.
 - f. Naskah original akan disimpan oleh pihak AKK.

v. Penilaian kajian ini adalah berdasarkan aspek-aspek berikut :-

BIL	ASPEK	PERATUS
i	Isi kandungan	10%
ii	Format dan Stail Penulisan	10%
iii.	Aspek praktikal Kajian	20%
iv	Kajian Berkaitan	30%
iv	Rumusan dan Cadangan	20%
v	Rujukan	10%
JUMLAH		100%

9.2.4 VIVA (10%)

i. Kehadiran

- a. Semua peserta akan dikehendaki menghadari sesi VIVA yang akan di atur oleh pihak Penganjur sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh akhir kursus sains sukan tahap III.
- b. Peserta yang GAGAL hadir ke sesi VIVA yang diaturkan oleh pihak AKK selepas 1 tahun dari kursus Sains Sukan Tahap III akan dianggap GAGAL keseluruhan kursus dan peserta akan dikehendaki mengulangi semula kursus sains sukan Tahap III.

ii. Penilaian Sesi VIVA

a. Berikut adalah panduan pemarkahan sesi VIVA

BIL	BAHAGIAN	MARKAH
1	Pengetahuan (Sukan Spesifik) 1.2 Umum (Pengenalan Sebagai Jurulatih) 1.3 Khusus (Berkenaan Sukan)	1
2	Pengetahuan Sains Sukan 2.1 Anatomi & Fisiologi 2.2 Biomekanik 2.3 Psikologi 2.4 Perubatan Sukan 2.5 Latihan Fizikal	5
3	Sistem Latihan	3
4	Pengurusan Sukan	1
JUMLAH KESELURUHAN		10

9.3 KEPUTUSAN KSS TAHAP III

- i. Keputusan hanya akan diumumkan kepada peserta yang telah lengkap menjalani semua bentuk penilaian.
- ii. Markah **LULUS** keseluruhan KSS Tahap III ialah 50%.
- iii. Sijil boleh diambil dari pihak Penganjur setelah diumumkan kepada peserta.
- iv. Peserta yang **GAGAL** harus menghadiri KSS Tahap III sepenuhnya.
- v. Pembahagian komponen penilaian KSS Tahap III yang harus dihadiri dan dihantar adalah seperti berikut: -

KOMPONEN	MARKAH
Ujian Objektif	50
Ujian Lisan	10
Projek	30
VIVA	10
Jumla	100

10.0 CARA PERMOHONAN

- 10.1 Setiap peserta harus membaca dan memahami proses permohonan Kursus Sains Sukan ini sebelum mengisi dan menghantar borang permohonan kepada pihak penganjur.
- 10.2 Peserta harus mengisi maklumat permohonan menggunakan borang permohonan yang disediakan oleh pihak AKK (*AKK/SPKK/Pin.1/2016*) sahaja.
- 10.3 Borang permohonan boleh di muat turun melalui laman web isn.gov.my (klik kejurulatihan (AKK)) atau boleh diambil dari pihak penganjur kursus.
- 10.4 Borang permohonan tersebut harus dihantarkan kepada alamat urusetia penganjur kursus sains sukan (Rujuk alamat penganjur) sebelum **tarikh tutup yang telah ditetapkan di dalam web**.
- 10.5 Sekiranya bilangan peserta telah mencapai kuota yang telah ditetapkan, pendaftaran akan ditutup serta merta.
- 10.6 Peserta harus menulis maklumat di borang permohonan dengan **jelas** dan **terang**. Sekiranya terdapat borang yang tidak jelas atau meragukan, pihak penganjur **berhak untuk menolak permohonan** tersebut. Borang yang dihantar melalui faks tidak akan dilayan.
- 10.7 Adalah menjadi tanggungjawab peserta untuk menghubungi pihak penganjur untuk menentukan kelulusan untuk mengikuti kursus, seminggu sebelum bermula kursus.
- 10.8 Pihak penganjur akan memberi keutamaan kepada peserta yang menghantar borang permohonan terawal dan lengkap. Namun pihak penganjur mempunyai hak untuk menentukan peserta yang akan mengikuti Kursus Sains Sukan ini.
- 10.9 Berikut adalah maklumat alamat penganjur dan perhubungan yang boleh dihubungi diperingkat negeri:

BIL	NEGERI	ALAMAT PEJABAT	NO TELEFON
1	IBU PEJABAT AKADEMI KEJURLATIHAN KEBANGSAAN KUALA LUMPUR	PENGARAH BAHAGIAN AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN ARAS 3, GIMNASIUM 3, INSTITUT SUKAN NEGARA, KOMPLEKS SUKAN NEGARA, BUKIT JALIL, 57000KUALA LUMPUR.	012-2217621 (waktu pejabat sahaja)
2	PERLIS	MAJLIS SUKAN NEGERI PERLIS KOMPLEKS SUKAN TUANKU SYED PUTRA, 01000 KANGAR, PERLIS	04-9767406
3	KEDAH	MAJLIS SUKAN NEGERI KEDAH STADIUM SULTAN ABDUL HALIM, JALAN SUKA MENANTI, 05150, ALOR STAR, KEDAH	04-7303362
4	PULAU PINANG	MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG JALAN SULTAN AZLAN SHAH, BATU UBAN, 11700 PULAU PINANG	04-6593715
5	PERAK	MAJLIS SUKAN NEGERI PERAK ARAS 2, WISMA MAJLIS SUKAN NEGERI PERAK, JALAN GHAZALI JAWI, 31400 IPOH PERAK	05-5478885
6	SELANGOR	MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR, d/a LEVEL 3, NO.1 PERSIARAN AKUATIK, HOTEL CARLTON HOLIDAY @ SUITES, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR	03-55196380
7	WILAYAH PERSEKUTUAN	MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN ARAS 2, BLOK 1, MENARA SERI WILAYAH, PRESINT 2, 62100, PUTRAJAYA.	03-88926600
8	NEGERI SEMBILAN	MAJLIS SUKAN NEGERI SEMBILAN KOMPLEKS SUKAN PAROI, JALAN SEREMBAN – KUALA PILAH, 70400, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN	06-6751311 06-6751102
9	MELAKA	MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA JALAN LAWN BOWLS, KOMPLEKS SUKAN HANG JEBAT, 75260 KRUBONG, MELAKA	06-3363100

10	JOHOR	MAJLIS SUKAN NEGARA JOHOR, ARAS 1, BANGUNAN DATO' MUHAMMAD IBRAHIM MUNSYI, 79000, KOTA ISKANDAR, NUSAJAYA JOHOR.	07-2661698 07-2661699
11	PAHANG	MAJLIS SUKAN NEGERI PAHANG, KOMPLEKS SUKPA, BANDAR INDERA MAHKOTA, 25200 KUANTAN PAHANG.	09-5735480
12	TERENGGANU	MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU GERBANG SUKAN NEGERI TERENGGANU, JALAN LAPANGAN TERBANG, GONG BADAK, 21300 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU	09-6672577 09-6672578
13	KELANTAN	MAJLIS SUKAN NEGERI KELANTAN WISMA SUKAN, JALAN TELIPOT, 15150 KOTA BHARU, KELANTAN	09-7487088
14	SARAWAK	MAJLIS SUKAN NEGERI SARAWAK, D/A DEWAN SUARAH KUCHING, JALAN TAMAN BUDAYA, 93000 KUCHING, SARAWAK	082-251330 082-245015(PA)
15	SABAH	MAJLIS SUKAN NEGERI SABAH TINGKAT 4, BLOK A, WISMA MUIS, 88999 KOTA KINABALU, SABAH	088-538396
16	WILAYAH PERSEKUTUAN (LABUAN)	MAJLIS SUKAN LABUAN DEWAN SERBAGUNA PERBADANAN JALAN MAT SALLEH, PETI SURAT 81697 87008 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	087-428331(PA) 087-427331 (PENGARAH) 087-426331 (PENTADBIR)

11.0 YURAN PENDAFTARAN

11.1 Pihak AKK telah menetapkan kadar yuran kursus Sains Sukan Tahap I, II dan III bagi **AHLI** dan **BUKAN AHLI** adalah seperti berikut:

BIL	KURSUS	KELAYAKAN	YURAN	
			*AHLI (BERDAFTAR DENGAN AKK, MEMPUNYAI LESEN)	BUKAN AHLI (TIADA LESEN)
1	Tahap I	Tiada	Tiada	RM100.00
2	Tahap II	SPKK Tahap 2 / Lesen C	RM100.00	RM150.00
3	Tahap III	SPKK Tahap 3 / Lesen B	RM200.00	RM250.00

Note : i) Yuran ini **TIDAK** termasuk tanggungan makan minum atau penginapan peserta.
ii) * rujuk prosedur permohonan lesen

Peserta yang **GAGAL** dan mahu **mengambil semula ujian** harus **menghadiri kursus sepenuhnya** dan **membayar yuran kursus** seperti perkara 11.1.

11.2 Peserta harus membuat pembayaran yuran pada hari pertama kursus kepada penyelaras kursus dan setiap pembayaran akan dikeluarkan resit rasmi penganjur sebagai bukti pembayaran.

11.3 Pembayaran boleh dibuat secara **wang tunai, wang pos atau cek atas nama "INSTITUT SUKAN NEGARA"** pada hari pertama permulaan kursus sahaja. Tidak perlu menghantar dengan borang permohonan kursus.

11.4 Peserta harus menunjukkan **Lesen asal** kepada penyelaras untuk mendapatkan diskaun yuran pendaftaran semasa pembayaran yuran pada hari pertama permulaan kursus.

12.0 KEPUTUSAN

12.1 Keputusan kursus Sains Sukan tahap I dan II boleh dilayari di laman sesawang isn.gov.my sekurang-kurangnya 30 hari waktu berkerja dari tarikh tamat kursus.

Nota : Keputusan kursus sains sukan tahap III akan dipaparkan di laman sesawang isn.gov.my (klik kejurulatihan (AKK)) selepas menduduki sesi VIVA.

12.2 Segala kertas kerja dan kertas jawapan kursus akan dihapuskan di dalam tempoh 1 tahun dari tarikh keputusan dikeluarkan oleh pihak AKK.

12.3 Pihak kami akan membuat **semakan kali kedua** jika terdapat rayuan dari peserta yang **gagal sahaja**. Tempoh semakan adalah **30 hari** selepas keputusan di keluarkan oleh AKK melalui laman sesawang isn.gov.my (klik

kejurulatihan (AKK)). Sebarang permohonan rayuan selepas itu tidak akan dilayan sama sekali oleh pihak AKK.

- 12.4 Peserta yang membuat rayuan harus menulis surat kepada Pengarah AKK dengan disertakan maklumat seperti berikut;
- a) Alamat
 - b) No. Telefon
 - c) Kod kursus
 - d) Tarikh kursus
 - e) Tempat kursus

13.0 SIJIL

- 13.1 Sijil Kursus Sains Sukan **HANYA DIKELUARKAN KEPADA YANG LULUS** sahaja.
- 13.2 Sijil akan dikeluarkan selewat-lewatnya **60 hari waktu berkerja** selepas keputusan diumumkan di dalam laman web isn.gov.my (klik kejurulatihan (AKK)).
- 13.3 Akademi Kejurulatihan Kebangsaan akan menghantar sijil-sijil tersebut kepada pihak penganjur dan peserta boleh menuntut sijil tersebut di pejabat pihak penganjur.
- 13.4 Bagi kursus yang dianjurkan oleh AKK di ISN dan sijil tersebut boleh dituntut di pejabat Akademi Kejurulatihan Kebangsaan.

14.0 KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN SIJIL

- 14.1 Peserta yang kehilangan atau kerosakan sijil harus menulis surat kepada Pengarah AKK dengan disertakan maklumat yang mudah dihubungi iaitu:-
- a. **Nombor H/P**
 - b. **Salinan dokumen berkaitan seperti sijil yang telah rosak**
 - c. **Keputusan peperiksaan dan menyatakan tarikh, tempat dan kod kursus** bagi memudahkan pihak AKK membuat semakan dan jika terdapat kesulitan pihak kami akan menghubungi peserta untuk mendapatkan pengesahan.
- 14.2 Peserta yang ingin **menukar sijil baru, mengganti sijil yang hilang atau rosak** akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00**.
- 14.3 Bagi **kehilangan kali kedua**, peserta akan dikenakan bayaran sebanyak **RM100.00**.

14.4 Namun pihak AKK mempunyai hak untuk menentukan gantian Sijil dan keputusan pihak AKK adalah muktamad dalam perkara 14.1,14.2 atau 14.3.

15.0 TANGGUNGAN

15.1 Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri **KECUALI** dimaklumkan.

15.2 Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan sebelum, semasa dan selepas kursus adalah dibawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak AKK atau panganjur tidak akan **BERTANGGUNGJAWAB** di atas kemalangan yang berlaku.

15.3 Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran perjalanan atau kemalangan sendiri.

16.0 PAKAIAN

16.1 Semua peserta kursus haruslah berpakaian kemas dan tidak menjolok mata.

16.2 Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlengan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah **TIDAK DIGALAKKAN**.

16.3 Bagi sesi suaian fizikal, semua peserta harus berpakaian dan berkasut sukan.

16.4 Berpakaian sukan amatlah digalakkan disepanjang tempoh kursus.

17.0 ALAMAT SURAT MENYURAT

Pengarah

Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK),

Aras 3, Gimnasium 3,

Institut Sukan Negara,

Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil,

57000KUALA LUMPUR.

No. Tel : 012 - 221 7621 (Hanya panggilan sahaja pada waktu pejabat;
8 pg hingga 1 ptg, 2 ptg hingga 5 ptg)

Laman web : isn.gov.my (klik kejurulatihan)

(dikemaskini pada 15.4.2016)